

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

OKTOBER 2001

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir yang disediakan

Oleh

SITI SHAFIZAH BINTI PIT

Bertajuk

**KAJIAN PERANCANGAN INDUSTRI DESA
DI KAMPUNG RANTAU PANJANG KLANG
TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia

Pn. Hazlina Hamdan

Koordinator

Prof. Madya Dr. Mizan Hitam

Ketua Program

Pn. Hazlina Hamdan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya kehadiran Allah S.A.W kerana dengan limpah kurnianya saya telah berjaya menghasilkan sebuah kajian akhir seperti yang dikehendaki. Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Hazlina Hamdan yang telah banyak membantu saya walaupun beliau sibuk dengan tugas serta kepada pensyarah-pensyarah lain yang sedia mencurahkan ilmu tidak mengira penat dan waktu.

Tidak lupa ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai-pegawai di Majlis Perbandaran Klang, Majlis Daerah dan Pembangunan Usahawan Selangor yang telah banyak membantu memberi maklumat didalam menyiapkan kajian akhir ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengusaha-pengusaha industri desa di Kampung Rantau Panjang, dan orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam melicinkan perjalanan projek ini.

Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu memberikan pendapat dan cadangan. Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa dan keluarga yang telah membantu dan memberikan galakan sepenuhnya selama saya belajar disini. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Kajian akhir ini adalah bertujuan mengkaji perancangan industri desa terhadap pembangunan sosial dan ekonomi. Beberapa pendekatan dan kaedah yang sesuai digunakan untuk kajian ini, memandangkan perusahaan ini semakin maju dan berkembang. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti isu dan masalah yang wujud di kawasan kajian. Kajian yang terperinci juga dijalankan terhadap perancangan fizikal, pengusaha dan pekerja. Kajian terhadap pengenalpastian isu dan masalah ini adalah bertujuan untuk dijadikan panduan didalam penyediaan cadangan yang baik bagi mengatasi masalah sedia ada dan perancangan yang teratur untuk masa hadapan.

Industri desa adalah salah satu aktiviti yang dijalankan di luar bandar bagi membantu perkembangan ekonomi dan sosial di kawasan kajian. Kebanyakan industri desa adalah industri warisan keluarga. Dalam menjalankan perusahaan ini di kawasan luar bandar secara tidak langsung dapat mengubah taraf ekonomi penduduk setempat iaitu dengan peningkatan pendapatan para pengusaha dan masyarakat sekeliling. Secara tidak langsung juga dapat mengurangkan masalah sosial daripada berlaku iaitu pengurangan kadar pengangguran.

Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa masalah timbul yang boleh membantutkan aktiviti pemasaran dan kualiti sesuatu produk. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan di kawasan kajian menggunakan teknologi lama menyebabkan kuantiti produk yang dihasilkan oleh pengusaha adalah rendah.

Beberapa cadangan telah dibuat bagi membantu menaikkan industri desa ini ke pasaran global. Antara cadangan adalah dari segi modal, pasaran, teknologi, peranan pihak tertentu dan lain-lain. Dengan cadangan tersebut diharap dapat meningkatkan perusahaan industri desa ini seiring dengan industri maju sedia ada.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	1
Abstrak	ii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Lampiran	xi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	4
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Kawasan Kajian	6
1.8	Kaedah Kajian	6
1.9	Rumusan	8

BAB 2

KAJIAN TEORITIKAL DAN KAWASAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Definisi	10
2.2.1	Definisi Industri	10
2.2.2	Definisi Desa	11
2.2.3	Definisi Industri Desa	11

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri desa adalah salah satu aktiviti yang dijalankan di kawasan luar bandar terutama di kampung-kampung. Ianya memainkan peranan yang amat penting didalam pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan kajian. Dengan adanya industri desa ini, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk. Pendapatan penduduk juga akan meningkat dengan adanya peluang pekerjaan yang banyak. Masalah sosial juga akan berkurangan kerana tiada lagi pengangguran dikalangan remaja dan penduduk tempatan.

Industri desa ini juga dapat menyedarkan masyarakat kampung berkaitan sektor pembuatan yang diperbuat daripada bahan mentah, kemahiran dan kepakaran seseorang. Masyarakat kampung kini bukan sahaja dapat bekerja sambil malahan berpeluang untuk membuka perusahaan sendiri jika mempunyai kemahiran dan kepakaran.

Selain itu ada juga industri desa ini dimiliki oleh orang perseorangan dan sesebuah keluarga dimana menjalankan industri dengan operasi kecil-kecilan. Kesan industri desa ini pasti dirasai oleh penduduk yang mana ia merupakan tulang belakang dalam pembangunan sesebuah kawasan. Dengan kecanggihan teknologi moden masa kini, adalah lebih mudah sesuatu pembangunan dijalankan dan dapat meningkatkan mutu